

FLAVISEPT LOTION 0.1%

Acriflavine Hydrochloride (0.1% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Flavisept Lotion 0.1%*
2. Bagaimana *Flavisept Lotion 0.1%* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Flavisept Lotion 0.1%*
4. Cara menggunakan *Flavisept Lotion 0.1%*
5. Semasa menggunakan *Flavisept Lotion 0.1%*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Flavisept Lotion 0.1%*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Flavisept Lotion 0.1%*
Flavisept Lotion 0.1% digunakan untuk rawatan luka, bakteria, dan pembasmian kuman yang dijangkiti.

Bagaimana *Flavisept Lotion 0.1%* berfungsi

Flavisept Lotion 0.1% mengandungi acriflavine untuk membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan di dalam luka dan kelecuman.

Sebelum menggunakan *Flavisept Lotion 0.1%*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan *Flavisept Lotion 0.1%* jika ada alahan kepada acriflavine, derivatif acridine, atau sebarang bahan lain dalam produk ini.

- Sebelum mula menggunakan

- Berhati-hati semasa menggunakan ubat berhampiran dengan mata kerana ia mungkin menyebabkan iritasi mata.
- Sila beritahu doktor jika anda mengandung atau menyusukan anak.
- Penggunaan yang berpanjangan mungkin melambatkan penyembuhan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja, dan biasanya kurang mempengaruhi kesan ubat-ubat lain. Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan *Flavisept Lotion 0.1%*

- Berapa banyak harus digunakan

Basuh bahagian kulit yang terjejas dan keringkan dengan betul. Sapukan krim pada bahagian kulit yang terjejas atau pada balutan luka. Gantikan setiap hari jika perlu.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda. Boleh digunakan 2-3 kali sehari.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa menggunakan ubat ini, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Kemudian, terus menggunakannya seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda atau sesiapa sahaja sudah menggunakan berlebihan dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Flavisept Lotion 0.1%*

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda berkaitan semua ubat yang sedang anda ambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung mengikut jangka rawatan yang disarankan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda hamil, merancang untuk mengandung, atau sedang menyusukan anak, elakkan penggunaan ubat kecuali atas arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan sampingan

Kesan advers yang dilaporkan yang disebabkan oleh *Flavisept Lotion 0.1%* adalah masalah kulit (contact dermatitis), ruam dan gatal kulit (pruritus). Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami sebarang kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan

Flavisept Lotion 0.1%

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Losyen berwarna Oren

- Bahan - Bahan

Bahan aktif:

Acriflavine Hydrochloride

Bahan tidak aktif:

Chlocresol, Purified Water

No. MAL:

MAL19940184XCZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Terapeutics Sdn. Bhd.

Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park
Lorong IKS Simpang Ampat B
14100 Simpang Ampat
S.P.S. Penang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

20 September 2019

Nombor Siri

NPRA(R4/1)190919/00260